

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**APLIKASI ADAB PELAJAR DAN  
GURU MAAHAD TAHFIZ  
BERDASARKAN KITAB *AL-TIBYĀN  
FĪ ADĀB ḤAMALAH AL-QUR'ĀN*  
KARYA IMĀM AL-NAWAWĪ:  
DI MAAHAD-MAAHAD TAHFIZ  
LEMBAH KLANG**

**AHMAD HASSAN BIN ISMAIL**

**MA**

**April 2019**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**APLIKASI ADAB PELAJAR DAN  
GURU MAAHAD TAHFIZ  
BERDASARKAN KITAB *AL-TIBYĀN  
FĪ ADĀB ḤAMALAH AL-QUR'ĀN*  
KARYA IMĀM AL-NAWAWĪ:  
DI MAAHAD-MAAHAD TAHFIZ  
LEMBAH KLANG**

**AHMAD HASSAN BIN ISMAIL**

Tesis yang dikemukakan  
bagi memenuhi keperluan ijazah untuk  
**Sarjana**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**April 2019**

## ABSTRAK

Adab merupakan salah satu aspek yang amat dititik beratkan dalam kehidupan setiap manusia terutama yang bergelar Muslim kerana ia melambangkan kesyumulan Islam itu sendiri. Ianya menjadi etika dan disiplin dalam dunia pendidikan termasuk bidang tahfiz yang mengkehendaki setiap ahlinya memiliki akhlak al-Quran. Sesuatu yang positif apabila ramai ibu bapa di Malaysia mula menyedari akan kepentingan menuntut ilmu agama namun pada masa yang sama tidak ramai dalam kalangan mereka yang mementingkan aspek pendidikan ilmu adab untuk diterapkan terhadap anak-anak mereka. Dapat diperhatikan sesetengah maahad tahfiz tidak mempunyai kitab atau silabus khusus yang dijadikan sebagai sumber rujukan dalam metod pendidikan adab mereka, walaupun ada yang mempunyai silabus namun aplikasinya tidak dipraktikkan secara menyeluruh. Isu ini melahirkan generasi yang tidak beradab walaupun terdapat dalam kalangan mereka itu merupakan golongan yang cerdas pandai, berilmu serta menghafaz al-Quran sama ada pelajar mahupun guru. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji konsep adab dan menganalisa aplikasinya terhadap pelajar dan guru berdasarkan kitab *al-Tibyān Fī Adāb Ḥamalah al-Qurʾān* karangan Imām al-Nawawī r.a di maahad tahfiz Lembah Klang. Gabungan pendekatan kualitatif dan kuantitatif iaitu melalui kaedah dokumentasi, soal selidik serta temu bual telah digunakan bagi tujuan pengumpulan data untuk dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian SPSS Ver.20 bagi memperolehi dapatan statistik untuk melihat sejauh manakah konsep adab berdasarkan kitab *al-Tibyan Fi Adab Hamalah al-Qur'an* karya Imam al-Nawawi r.a ini diaplikasikan terhadap pelajar dan guru maahad tahfiz. Dapatan kajian yang diperoleh mendapati terdapat banyak adab di dalam kitab tersebut yang bersesuaian dan ada yang telah sedia diamalkan, namun aplikasi adab tersebut tidak dijalankan secara konsisten dan menyeluruh kerana tiada disiplin khusus yang diselaraskan. Seterusnya disarankan beberapa cadangan yang boleh diambil bagi pihak pelajar, guru, ibu bapa, institusi maahad dan lembaga pendidikan agar dapat memperbaiki aplikasi adab pelajar dan guru maahad tahfiz.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةَ لِلْمُتَّقِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَي سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

Alhamdulillah, segala pujian khusus ke hadrat Allah S.W.T, yang telah menurunkan al-Quran sebagai pedoman dan ikutan, yang mempunyai keberkatan dan petunjuk di sepanjang zaman. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W serta keluarga baginda, para sahabat dan seluruh pendokong perjuangan baginda yang beriman dengan penuh keyakinan.

Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan keredaan-Nya, penulis dapat menghasilkan penulisan ilmiah ini dengan bantuan banyak pihak. Terima kasih tidak terhingga kepada keluarga yang tersayang khususnya buat ibu dan ayah yang tercinta, yang sentiasa memberikan semangat yang tidak putus-putus di sepanjang permusafiran penulis di lapangan keilmuan semenjak dari kecil sehingga kini selain mendoakan kejayaan di dunia dan akhirat. Begitu juga kepada adik beradik penulis yang berada di Kajang, yang menjadi teman penghibur hati di kala susah dan senang.

Penghargaan khas juga dirakamkan kepada pensyarah dan penyelia, Dr Kamariah Binti Yusoff yang telah memberi bimbingan yang bermakna sepanjang proses seliaan. Selain menjadi mentor, beliau juga umpama seorang ibu yang sentiasa memberi nasihat yang penting kepada penulis di dalam menjalani kehidupan sebagai seorang penuntut ilmu. Tidak dilupakan juga para guru dan sahabat yang telah memberi bantuan secara langsung dan tidak langsung sepanjang usaha kajian ini dijalankan.

Akhir kata, penulis memohon ampun dan maaf seandainya terdapat kekurangan dalam segenap sudut kerana sesungguhnya diri ini hanyalah seorang hamba yang lemah tiada daya.

# ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	<b>ii</b>
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>ix</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xi</b>
<b>BAB SATU: PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Huraian Tajuk	8
1.8 Skop Kajian	9
1.9 Rasional Pemilihan Tempat Kajian	10
1.10 Kajian Terdahulu	11
1.11 Metodologi Penyelidikan	14
1.12 Kesimpulan	16
<b>BAB DUA: KONSEP ADAB DALAM KITAB AL-TIBYĀN FĪ ADĀB ḤAMALAH AL-QUR'ĀN KARANGAN IMĀM AL-NAWAWĪ</b>	<b>18</b>
2.1 Pendahuluan	18
2.2 Pengenalan Ilmu Adab	19
2.2.1 Definisi	19
2.2.2 Perbezaan Adab, Akhlak Dan Etika	21
2.2.3 Kepentingan Adab	23